



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGURUSAN LATIHAN DALAMAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

ABDUL JALIL BIN P. KAMADIN

FPP 1999 69

**PENGURUSAN LATIHAN DALAMAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

ABDUL JALIL BIN P.KAMADIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1999**



**PENGURUSAN LATIHAN DALAMAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Oleh

ABDUL JALIL BIN P.KAMADIN

**Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

June 1999



DIDIKASI

**Ya Allah
Petunjuk dan hidayah-Mu
Memberi aku sinar
Dalam mengharungi getir hidup ini
Aku bersyukur kepada-Mu atas kejayaan ini**

**Ibu yang telah pergi untuk selama-lamanya.....ayah
Paduan kasih sayangmu
Budibicara dan iringan doamu
Memberi aku kesedaran dan keinsafan meniti liku-liku kehidupan**

**Edde Ezzane, Rezza Ruzaide, Zaheir Zekri, dan Nur Diyana
Anggaplah segelintir kejayaan ini sebagai
Sumber inspirasimu**

**Sekalung penghargaan atas pengorbanan yang tidak terhingga
Buat isteriku Siti Absah yang dikasihi
Ketabahan, kecekalan, dan kesabaranmu
Bagaikan mutiara yang tidak ternilai
Dalam meniti liku-liku ranjau kehidupan ini
Namun aku tetap menjadi perindu silam
Alhamdulillah, kini hasrat termakbul jua**

PENGHARGAAN

Allamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmat-Nya dapat disempurnakan penulisan kertas projek untuk memenuhi syarat memperoleh Ijazah Master Sains (Pentadbiran Pendidikan). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan khusus kepada Penyelia Kertas Projek, Profesor Madya Dr. Hjh. Kamariah bt. Hj. Abu Bakar yang telah banyak memberi bantuan, bimbingan, dan khidmat nasihat yang tidak ternilai di sepanjang penyelenggaraan kajian ini.

Tidak lupa juga dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengetua-Pengetua Sekolah Agama Negeri Sembilan iaitu Pengetua SMKA Sheikh Hj. Mohd. Said, SMKA Pedas, SMA Persekutuan Labu, SMA Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, SMA Telok Kemang, Port Dickson, SMA Dato' Hj. Mustafa, Batu Kikir, SMA Hj. Mohd. Yatim, Ulu Gadong yang sudi memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik kajian ini dengan rela hati. Begitu juga kepada rakan seperjuangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan yang sudi untuk memberikan pandangan dan pendapat mereka.

Seterusnya diucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, semua pensyarah dan staf sokongan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah membantu dan memberi sokongan di sepanjang pengajian. Kesempatan ini juga diambil untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pentadbir Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Universiti Malaya yang telah memberikan bantuan dan kebenaran untuk membuat rujukan.

Ribuan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Bahagian Perhubungan Sekolah, Bahagian Latihan Dan Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan serta Unit Pendidikan Jabatan Hal Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan yang memberikan kebenaran dan kelulusan untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Insya-Allah, penghasilan kajian ini dapat meningkatkan pemahaman tentang pengurusan latihan dalaman Bahasa Melayu di sekolah-sekolah agama. Sesungguhnya yang sempurna itu adalah daripada Allah S.W.T jua. Wassalam.

SENARAI JADUAL

| JADUAL | | HALAMAN |
|------------|--|---------|
| Jadual 1: | Model Perkembangan Staf Berasaskan Sekolah | 38 |
| Jadual 2: | Perbandingan Antara Model Operasi Pukal Latihan KBSM Dengan Model RPTIM | 40 |
| Jadual 3: | Jumlah Sekolah Agama Di Negeri Sembilan | 60 |
| Jadual 4: | Lokasi Sekolah | 61 |
| Jadual 5: | Kaedah Pengurusan Latihan Dalam | 71 |
| Jadual 6: | Kekerapan Mengadakan Sesi Latihan Dalam | 73 |
| Jadual 7: | Fasilitator Latihan | 75 |
| Jadual 8: | Peratus Penggunaan Fasilitator Luar | 76 |
| Jadual 9: | Sumber Perolehan Pengetahuan Menguruskan Latihan Dalam | 77 |
| Jadual 10: | Profil Responden Mengikut Pengalaman Menyertai Kursus Latihan Dalam | 79 |
| Jadual 11: | Gabungan Sumber Pemerolehan Pengetahuan Menguruskan Latihan dalam | 80 |
| Jadual 12: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Kesediaan Berdasarkan Kekuatan Min | 83 |
| Jadual 13: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Perancangan Berdasarkan Kekuatan Min | 86 |

| | | |
|------------|---|----|
| Jadual 14: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Latihan Berdasarkan Kekuatan Min | 90 |
| Jadual 15: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Aplikasi Berdasarkan Kekuatan Min | 92 |
| Jadual 16: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Pemantapan Berdasarkan Kekuatan Min | 95 |
| Jadual 17: | Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Mengikut Dimensi | 99 |

SENARAI RAJAH

| RAJAH | | HALAMAN |
|----------|--|---------|
| Rajah 1: | Strategi Pengajaran Bahasa Melayu | 24 |
| Rajah 2: | Model Operasi Latihan Dalaman | 34 |
| Rajah 3: | Model Operasi Strategi Pelaksanaan Pendidikan Dalam Perkhidmatan, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia | 42 |
| Rajah 4: | Model Operasi Pelaksanaan Perkembangan Staf Institut Aminudin Baki | 43 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------------|--|
| BM | Bahasa Melayu |
| COPIS | Council of Professor of Instructional Supervisor |
| GRIST | Grant Related In-Service Training |
| IAB | Institut Aminudin Baki |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| JPNS | Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus |
| NSDC | National Staff Development Council |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KPDP | Kursus Pendidikan Dalam Perkhidmatan |
| KLDP | Kursus Latihan Dalam Perkhidmatan |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPK | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| RPTIM | Readiness, Planning, Training, Implimentation and Maintenance |
| SMA | Sekolah Menengah Agama |
| SMKA | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| SKT | Sasaran Kerja Tahunan |
| SSB | Sistem Saraan Baru |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Persekolah Malaysia |

DAFTAR KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|---|----------------|
| PENGHARGAAN | iii |
| DAFTAR KANDUNGAN | ix |
| SENARAI JADUAL | v |
| SENARAI RAJAH | vii |
| SENARAI SINGKATAN | viii |
| ABSTRAK | xii |
| ABSTRACT | xv |
| BAB I | |
| PENDAHULUAN | 1 |
| Pengenalan | 1 |
| Strategi Pengajaran Bahasa Melayu | 1 |
| Program Meningkatkan Profesionalisme Keguruan | 3 |
| Pengurusan Latihan Dalaman | 6 |
| Peranan Pengetua | 13 |
| Pernyataan Masalah | 17 |
| Objektif Kajian | 19 |
| Soalan Kajian | 22 |
| Kepentingan Kajian | 22 |
| Batasan Kajian | 23 |
| Definisi Operasional | 24 |
| BAB II | |
| SOROTAN LITERATUR | 25 |
| Pengenalan | 25 |
| Bahasa Melayu Merentas Kurikulum | 25 |

| | |
|---|----|
| Strategi Pengajaran KBSM | 26 |
| Latihan dan Pengurusan Latihan Dalam Bahasa Melayu | 27 |
| Kerangka Model Kajian Lepas | 36 |
| Penyelidikan Luar Negara | 49 |
| Penyelidikan Dalam Negara | 53 |
| Gaya Kepimpinan Pengetua | 57 |

BAB III

| | |
|--|-----------|
| METODOLOGI KAJIAN | 59 |
| Pengenalan | 59 |
| Reka Bentuk Kajian | 59 |
| Persampelan | 60 |
| Lokasi Kajian | 61 |
| Instrumen Kajian | 62 |
| Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen | 64 |
| Prosedur Menjalankan Kajian | 66 |
| Penganalisan Data | 68 |

BAB IV

| | |
|---|-----------|
| DAPATAN DAN PERBINCANGAN | 69 |
| Pengenalan | 69 |
| Reka bentuk Kaedah Pengurusan Latihan Dalam Bahasa Melayu | 70 |
| Kekerapan Mengadakan Sesi Latihan Dalam Fasilitator Latihan | 73 |
| Sumber Perolehan Pengetahuan Menguruskan Latihan Dalam | 74 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Berdasarkan Lima Dimensi | 77 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Kesediaan | 81 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Perancangan | 82 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Latihan | 85 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Latihan | 89 |

| | |
|--|----------------|
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Aplikasi | 91 |
| Tahap Kefahaman Menguruskan Latihan Dalam Dimensi Pemantapan | 94 |
| Dimensi Yang Menyumbang Kepada Kefahaman Pengetua menguruskan Latihan Dalam | 98 |
| BAB V | |
| KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | 101 |
| Pengenalan | 101 |
| Kesimpulan | 102 |
| Implikasi | 112 |
| Cadangan | 120 |
| BIBLIOGRAFI | 127 |
| LAMPIRAN | |

Abstrak yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PENGURUSAN LATIHAN DALAMAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Oleh

ABD. JALIL BIN P.KAMADIN

Jun 1999

**Penyelia : Profesor Madya Dr. Hjh. Kamariah bt.
Hj. Abu Bakar, Ph.D.**

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Fenomena semasa menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian pendekatan dan kaedah pelaksanaan pengurusan latihan dalaman Bahasa Melayu (BM) di sekolah-sekolah. Kebanyakan pengetua menggunakan panduan yang disarankan oleh Pukal Latihan KBSM. Namun demikian, wujud pengubahsuaian dan perbezaan dalam menguruskan latihan dalaman.

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui aspek-aspek tugas pengurusan, tatacara dan tahap kefahaman pengetua Sekolah Menengah Agama (SMA) mengendalikan latihan dalaman mengikut lima dimensi pengurusan iaitu kesediaan, perancangan, latihan, implimentasi, dan pementapan. Kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pengetua lain dan sebagai plan tindakan yang wajar dilaksanakan oleh pengetua untuk meningkatkan pengurusan latihan dalaman di SMA.

Kerangka Model Readiness, Planning, Training, Implimentation and Maintenance (RPTIM) yang diutarakan oleh Wood F.H. (1982) dimodifikasi kerana banyak persamaan dengan Pukul Latihan KBSM. Semua pengetua dari tujuh buah SMA menjadi subjek dalam kajian ini disebabkan mereka adalah pengurus sekolah yang bertanggungjawab menggerakkan latihan dalaman. Instrumen kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang menggandungi tiga bahagian.

Bahagian A: Item-item demografik, Bahagian B: Pengurusan latihan dalaman BM, dan Bahagian C: Ciri-Ciri pengurusan latihan dalaman BM berdasarkan lima dimensi. Temu bual dengan pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan juga diadakan dengan mengemukakan pelbagai soalan terbuka (open ended questionnaire) yang tidak tercakup di dalam soal selidik. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan statistik deskriptif.

Dapatan kajian dimensi kesediaan menunjukkan bahawa pengetua SMA mampu melibatkan kemahiran guru, meningkatkan tahap profesionalisme, memupuk semangat kesejawatan, menjadikan latihan dalaman sebagai budaya sekolah. Dimensi perancangan menjelaskan bahawa pengetua memberikan kepercayaan kepada Ahli Jawatankuasa Latihan Dalaman untuk mengendalikan program berkenaan.

Dalam dimensi latihan, kaedah demonstrasi dalam pembengkelan adalah kaedah penyampaian paling utama digunakan di SMA. Dimensi aplikasi menunjukkan bahawa pengetua sentiasa mengambil berat tentang aktiviti-aktiviti mengaplikasikan dapatan latihan dalaman. Dalam dimensi pemantapan, penyeliaan atau pencerapan masih kurang dilaksanakan.

Beberapa cadangan telah dikemukakan agar pengetua dapat melaksanakan pengurusan latihan dalaman dengan cemerlang berdasarkan lima dimensi pengurusan iaitu kesediaan, perancangan, latihan, aplikasi, dan pemantapan.

**Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
University Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the Degree
of Master Science.**

**IN-HOUSE TRAINING MANAGEMENT
OF BAHASA MELAYU IN SEKOLAH MENENGAH AGAMA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

By

ABD. JALIL BIN P.KAMADIN

June 1999

**Supervisor : Associate Professor Hjh. Kamariah bt.
Hj. Abu Bakar, Ph.D.**

Faculty : Faculty of Educational Studies

The current phenomenon shows that many approaches and methods are being employed in the in-house training management of Bahasa Melayu (BM) in school. Most principals use the guidance recommended by the KBSM Training Package. Nevertheless there are changes and differences in the in-house training management.



Objective of this study is to ascertain aspects management duties, methods and understanding level of principals in Sekolah Menengah Agama (SMA) in managing in-house training base on the five management dimensions which are readiness, planning, training, application and maintenance. This study is as a guidance to other principals and as an appropriate action plan among principals to supervise in-house training in SMA.

Readiness, Planning, Training, Implementation and Maintenance (RPTIM) Model Chart put forward by Wood F.H. (1982) is modified as it has many similarities to the KBSM Training Package. Principals from 7 SMA were selected as subjects in this study because they are schools managers responsible in enforced in-house training in schools. This case study instrument varies from a set of questions consisting of Part A: demographic items, Part B: management of BM in-house training and Part C: BM in-house training based on the 5 management dimensions. Interview regarding issues which are not included in the closed ended questionnaire was also carry out by the means of open ended questionnaire with the Negeri Sembilan Education Department officers. Descriptive statistics is used to analyze data.

The findings of the study in the readiness dimension shows the ability of principals in involving teachers expertise to increase the

The findings of the study in the readiness dimension shows the ability of principals in involving teachers expertise to increase the professionalism level, strengthen the spirit of the profession and made in-house training as a school culture. The planing dimension shows that principals have confidence in the in-house training committee to carry out this program. In the planing dimension, the demonstration methods during workshop sessions appear to most popularly use in SMA.

The application dimension shows that principal always show interest in the application of activities derived from these in-house training sessions. In the dimension of reinforcement and supervision it still lacks implementation.

Appropriate suggestion was put forward to principals for excellence management of in-house training base on the five management dimensions which are readiness, planning, training, application and maintenance.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar dalam semua bidang pendidikan kebangsaan di Malaysia. Para pelajar diberi peluang untuk mempertingkatkan kecekapan dan penguasaan bahasa itu dengan konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum. Di samping itu, semua ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diberi dalam pelbagai mata pelajaran diajar melalui penggunaan bahasa Melayu. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menggariskan bahawa kecekapan berbahasa juga seharusnya dapat mengabungjalinkan penggunaan Bahasa Melayu dalam mata pelajaran lain sama ada berpusatkan guru atau pelajar.

Strategi Pengajaran Bahasa Melayu

Untuk meningkatkan kemahiran dan prestasi pelajar dalam BM, KBSM menyarankan agar strategi pengajaran adalah berpusatkan pelajar. Walau bagaimanapun, Clark (1997) menegaskan bahawa ada ketikanya

sewaktu menyampaikan kemahiran lisan, seperti mendengar dan bertutur terpaksa mengubahsui strategi pengajaran berpusatkan guru dan berpusatkan bahan.

Justeru, strategi pengajaran juga seharusnya berupaya untuk menarik minat, perhatian dan memotivasikan pelajar. Oleh yang demikian, usaha harus dijalankan agar semua guru bahasa yang terlibat dalam pengajaran BM di sekolah mestilah didedahkan dengan strategi yang merangkumi pelbagai pendekatan, kaedah, dan teknik yang terkini dalam pengajaran BM.

Untuk merealisasikan strategi pengajaran BM yang berkesan demi menjamin kecemerlangan terutamanya di Sekolah Menengah Agama (SMA), maka budaya ilmu yang sering diperkatakan pada masa ini mempunyai hubungan secara langsung dengan usaha-usaha ke arah mengendalikan pelbagai program latihan untuk guru-guru. Apabila kedua-dua konsep ini dihubungkan dengan peranan guru, maka konsep ini meliputi segala usaha ke arah memantapkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Sesungguhnya, satu bidang yang amat ketara yang boleh menjadi asas untuk memantapkan kedua-dua konsep tersebut ialah melalui program perkembangan staf (Hussein Ahmad, 1991).

Program Meningkatkan Profesionalisme Keguruan

Untuk meningkatkan dan memertabatkan profesionalisme keguruan, pelbagai program berorientasikan perkembangan staf amat diperlukan. Staf merupakan setiap individu yang melibatkan diri dalam sesuatu organisasi yang memerlukan motivasi, pendedahan, dan penerangan melalui pelbagai sesi latihan yang berupaya untuk menjana minda dan memantapkan pengetahuan mereka. Dalam konteks pendidikan aspek pedagogi diberi penekanan lebih agar kecemerlangan pelajar menjadi agenda yang diutamakan.

Staf bagi sesebuah sekolah boleh menjadi 'lapuk' dengan cepat terutama dalam tahap pemikiran, pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilainya (Abd. Rahim, 1988). Justeru, pengetahuan, pemikiran, kemahiran, dan juga sikap manusia perlu diperkembangluas secara sistematis, bersepadu, dan berterusan sejajar dengan tuntutan dan keperluan semasa. Dengan itu, program perkembangan staf amat berpotensi untuk mengubah pengetahuan, pemikiran, dan sikap agar kewibawaan guru BM sebagai golongan profesional akan menyerlah.

Perkembangan staf bertujuan untuk meningkatkan kemahiran guru BM dalam pengajaran dan pembelajaran serta memberi peluang kepada

para guru untuk meneroka metodologi baru dalam aspek pedagogi (Joyce, 1980 dlm Morant, 1981). Sehubungan itu, Lawrence (1974), berpendapat perkembangan staf dapat menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran staf dan akan meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Justeru, Hirsh (1993), menegaskan bahawa perkembangan staf boleh mengubah amalan pengajaran guru, teknik pembelajaran pelajar serta membantu membentuk budaya sekolah yang cemerlang. Oleh itu, profesionalisme keguruan dapat meningkatkan iltizam dalam bidang ini bagi meningkatkan prestasi sekolah dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

Program perkembangan staf juga boleh meningkatkan kepuasan kerja guru (Bahagian Pendidikan Guru, 1992). Perkara-perkara seperti peluang untuk menggunakan kemahiran dan kebolehan individu; peluang untuk mendapatkan pengetahuan baru; darjah kreativiti; kesukaran kerja; jumlah kerja; tanggungjawab; tekanan untuk prestasi; kawalan ke atas cara melaksanakan tugas; dan pengayaan kerja adalah merupakan sifat-sifat kerja yang berkaitan dengan minat dan kepuasan kerja individu (Edwin, 1978 dlm Shower, 1985).

Kegiatan perkembangan staf boleh mengubah kepercayaan dan sikap guru, amalan instruksi guru, dan tahap pencapaian pelajar ke arah yang lebih baik (Griffin, 1983 dan Guskey, 1985). Sesuatu organisasi yang berjaya untuk terus wujud, bergantung kepada dua kriteria, iaitu

pencapaian tujuan organisasi yang diistilahkan sebagai keberkesanan, dan kepuasan motif individu yang diistilahkan sebagai kecekapan (Bernard, 1983).

Dapatlah dirumuskan bahawa perkembangan staf merupakan sesuatu yang diperlukan oleh semua guru untuk meningkatkan prestasi pengetahuan, kemahiran, dan tahap profesionalisme mereka. Profesionalisme keguruan antara lain didasarkan kepada penyertaan bakal guru mengikuti kursus pra-perkhidmatan di institusi perguruan (Nik Aziz, 1988). Oleh itu, guru dari semasa ke semasa perlu diberi semangat baru melalui kursus-kursus penyegaran dan juga kursus-kursus dalam perkhidmatan di institusi latihan bagi memperkenalkan mereka dengan kurikulum baru dan strategi pelaksanaan kurikulum yang berkaitan (Hussein Ahmad, 1990). Apa yang menjadi masalah ialah terlalu ramai guru yang ada berbanding dengan kursus yang ditawarkan oleh institusi. Namun demikian, tidak semua guru bersedia untuk meninggalkan keluarga untuk menghadiri kursus demikian walaupun mereka telah dipilih (Mohammed Sani, 1992).

Untuk mengatasi kekangan tersebut di samping kos pengendalian latihan luaran yang tinggi ketika kegawatan ekonomi begini, maka pilihan yang paling tepat dan lebih globalisasi untuk meningkatkan prestasi profesion perguruan adalah dengan mengendalikan program

perkembangan staf yang lebih dikenali sebagai 'Latihan Dalaman' di peringkat sekolah. Hewton (1988), menegaskan bahawa program ini mesti melibatkan perancangan, pelaksanaan, dan penilaian daripada pihak sekolah sendiri kerana tenaga fasilitator yang mengendalikan sesi latihan ini juga terdiri daripada kalangan staf sekolah sendiri.

Babbie (1975), menegaskan bahawa tujuan latihan adalah untuk menjimatkan kos di samping menyediakan guru ke arah tanggungjawab yang lebih mencabar agar setiap individu dapat mengaplikasikan pertumbuhan intelek, status, peribadi, dan ilmu pengetahuannya untuk memertabatkan etika kerjanya. Menurut Anderson (1993), ini bermakna konsep pengurusan latihan dalaman yang dikendalikan oleh sekolah lebih berbentuk desentralisasi

Pengurusan Latihan Dalaman

Proses latihan dalaman merujuk kepada tatacara pengurusan tersebut diselenggarakan mengikut dimensi pengurusan tersebut. Oleh sebab latihan dalaman juga dianggap sebagai satu bidang pengurusan, maka proses yang terlibat juga merangkumi aspek-aspek perancangan, pengendalian, pelaksanaan, dan penilaian (Stoner, 1981). Sesebuah organisasi yang mempunyai ahli-ahli daripada pelbagai latar belakang hendaklah dibimbing, dipimpin, dan dikawal dengan teliti supaya segala